

# 'Mangsa dipukul, dicucuh objek panas'

Kakak kandung antara ditahan dipercayai dera budak 4 tahun hingga mati

Oleh SHAHRIZAL AHMAD ZAINI  
JOHOR BAHRU



FOTO: BERNAMA

**Kamarul Zaman ketika ditemui pemberita di Jabatan Forensik HSI pada Selasa.**

Polis mengesahkan berlaku penderaan ke atas seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun yang meninggal dunia ketika menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini pada Isnin.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, hasil pemeriksaan mendapati kanak-kanak berkenaan mengalami kecederaan dipercayai akibat dipukul dan dicucuh sama ada api atau benda yang panas di seluruh badan termasuk atas kemaluan.

Menurutnya, pemeriksaan terhadap jenazah amat mendukacitakan dan menyedihkan kerana mangsa mengalami kecederaan serius di seluruh badan dari kepala hingga kaki selain terdapat kesan kecederaan lama dan baru.

"Polis akan siasat kes ini dengan teliti dan mereka yang terlibat akan dibawa ke muka pengadilan," katanya kepada pemberita di Jabatan Forensik HSI pada Selasa.

Kamarul Zaman berkata demikian bagi mengulas insiden seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun yang meninggal dunia dipercayai akibat didera di sebuah rumah di Senggarang, Batu Pahat pada Jumaat.

Kanak-kanak malang yang dirawat di HSI sejak Jumaat lalu bagaimanapun disahkan meninggal dunia pada jam 6.40 petang Isnin dan polis masih menunggu hasil bedah siasat bagi mengenal pasti punca sebenar kematian kanak-kanak malang itu.

Menurut Kamarul Zaman, Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat telah menahan lima individu berusia 15 hingga 37 tahun di sekitar Senggarang pada Sabtu lalu.

Katanya, kelima-lima individu berkenaan ditahan reman selama tujuh hari bermula 25 hingga 31 Disember ini untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun

Keseksaan kerana membunuh.

"Kesemua yang ditahan melibatkan dua lelaki dan tiga wanita termasuk kakak kandung kanak-kanak berkenaan yang berusia 19 tahun dan suami kakaknya itu yang berusia 37 tahun," jelas beliau.

Hasil siasatan awal, Kamarul Zaman berkata, mangsa yang merupakan anak bongsu daripada 11 beradik dijaga oleh kakak kandungnya yang juga anak ketiga sejak September 2022, selepas ibu bapa mereka dimasukkan ke dalam penjara akibat kesalahan dadah.

Katanya, polis turut merampas barang yang disyaki digunakan untuk mendera mangsa, antaranya batang besi 29 inci, penyangkut baju, jaring penutup kipas serta cadar dan sarung bantal.

Beliau berkata, jenazah akan diserahkan kepada waris yang disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setelah selesai proses bedah siasat.



# KES KEMATIAN KANAK-KANAK AKIBAT DIDERA

**13 Disember 2022**

**Dera hingga mati, bapa disyaki tanam anak tepi jalan**

- KUALA LUMPUR - Perbuatan kejam seorang lelaki mendera dan menanam mayat anak perempuannya berusia sembilan tahun di sebuah kawasan riadah di sini, terbongkar selepas ibu kepada kanak-kanak berkenaan membuat laporan polis.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahaya berkata, pihaknya menerima laporan daripada isteri suspek mengenai anaknya yang dalam keadaan lemah dan berdarah pada bahagian mulut selepas balik ke rumah setelah bekerja pada Jumaat lepas, disyaki didera oleh suaminya.

**23 November 2022**

**Kanak-kanak perempuan maut didera bapa tiri**

- KAJANG - Seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun maut dipercayai didera oleh bapa tirinya di rumah mereka di Taman Sri Ramal di sini. Ketua Polis Kajang Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan berkata, pihaknya menerima maklumat kematian kanak-kanak terbabit daripada seorang pegawai perubatan di Hospital Serdang.

**3 Oktober 2022**

**Kanak-kanak 3 tahun maut dipercayai didera pengasuh**

- JOHOR BAHRU - Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun maut dipercayai didera pengasuh yang merupakan kenalan bapa mangsa di Taman Skudai di sini. Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, polis menerima maklumat berhubung kejadian itu daripada bapa mangsa yang bertindak membuat laporan polis.

**17 Ogos 2022**

**Budak lelaki tiga tahun maut dipercayai didera pengasuh**

- KUALA LUMPUR - Satu kejadian menyayat hati berlaku di Mutiara Magna, Kepong apabila seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun maut dipercayai akibat didera ketika dalam jagaan pengasuhnya.

Ketua Polis Daerah Sentul Asisten Komisioner Beh Eng Lai berkata, polis menerima maklumat kejadian kanak-kanak meninggal dunia pada jam 12.01 tengah hari.

**22 April 2022**

**Kanak-kanak perempuan maut disyaki didera sehingga usus pecah**

- BANDAR BAHARU - Ibu kandung dan bapa tiri seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun yang maut akibat didera, ditahan polis di rumah mereka di Kubang Pasu.

Ketua Polis Kedah, Komisioner, Wan Hassan Wan Ahmad berkata, polis menerima maklumat dari Hospital Jitra berkaitan kematian kanak-kanak perempuan terbabit.

**16 Mac 2022**

**Budak dua tahun maut didera ibu kandung**

- TELUK INTAN - Seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun meninggal dunia disyaki didera ibu kandungnya.

Kejadian itu disedari selepas kanak-kanak terbabit dihantar ke sebuah hospital swasta di sini oleh ibunya berusia 33 tahun dalam keadaan tidak sedarkan diri dengan alasan kononnya mengalami sesak nafas.

**4 Disember 2021**

**Kanak-kanak lima tahun maut didera ibu kandung, kekasih**

- JOHOR BAHRU - Seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun maut dipercayai menjadi mangsa dera ibu kandung dan kekasih ibunya di sebuah rumah di Nusa Bestari, dekat Iskandar Puteri.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, ACP Dzulkhairi Mukhtar berkata, polis menerima panggilan daripada petugas Hospital Sultanah Aminah (HSA) mengenai kejadian itu.

**30 Januari 2021**

**Kanak-kanak maut didera, suami isteri direman tujuh hari**

- MELAKA - Sepasang suami isteri direman tujuh hari bagi membantu siasatan berhubung kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang dipercayai didera di Taman Krubong Jaya di sini.

Perintah reman sehingga 5 Februari itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Melaka, Mohd Anuar Ostadi.